

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama tempat yang sesuai dalam ayat-ayat berikut.

sini

sana

situ

- 1 Saya tidak pernah ke _____," kata Damia kepada Amina yang akan pergi ke Sabah.
- 2 "Tunggu di _____. Jangan ke mana-mana," kata emak kepada adik bongsuku.
- 3 "Kamu datang ke _____ sekejap," kata Cikgu Azreen kepada Najmi.
- 4 "Saya mengambil buku itu dari _____," kata Muzita sambil menunjukkan jarinya ke arah kerusi.
- 5 Minggu lepas kami pergi ke Pulau Langkawi. Semasa di _____, kami melawat Makam Mahsuri.
- 6 Di _____lah tempat saya mencari ilham menulis novel.
- 7 "Kemalangan jalan raya yang melibatkan sebuah bas ekspres itu berlaku di _____," kata Radzam kepada kawan-kawannya sambil menunjuk ke arah tempat dia berdiri.
- 8 "Di hujung kampung _____ terletaknya rumah rakit milik Pak Abu yang tuan cari," kata Mei kepada pegawai tersebut.
- 9 Jangan berdiri di _____, tempat itu sangat kotor.
- 10 "Letakkan pasu ini di _____," tunjuk ibu ke arah sudut halaman.
- 11 "Kami sekeluarga akan ke _____ selewat-lewatnya pagi esok," kata ibu kepada Pak Ali.
- 12 Dari _____ kita akan berjalan ke tempat perkhemahan.

Pilih kata ganti nama tunjuk yang betul.

- 1 Kegiatan gotong-royong yang kami rancang (ini, itu) mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ibu bapa.
- 2 Sejak berpindah ke rumah baharu (ini, itu) Zainal tidak mempunyai rakan yang ramai.
- 3 Perjalanan mereka ke tempat (ini, itu) memakan masa selama dua hari dan bakal menempuhi padang pasir yang luas.
- 4 Budak yang pintar (ini, itu) mendapat tempat di salah sebuah universiti di Amerika Syarikat.
- 5 Pilihlah mana-mana baju yang Winnie berkenan di butik (ini, itu) kerana harganya sangat murah.
- 6 Pondok kecil di atas bukit (ini, itu) kepunyaan ayah saya.
- 7 Pembinaan jambatan konkrit bagi menghubungkan kampung (ini, itu) dengan kampung seberang tidak dapat dilakukan atas masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan.
- 8 Pemandangan di Pulau Redang yang terletak di negeri Terengganu (ini, itu) sungguh menarik.
- 9 "Kek yang dibuat oleh kakak (ini, itu) sungguh sedap," kata Suzana lalu mengambil sepotong kek lapis Sarawak.
- 10 "Bunga mawar (ini, itu) sangat wangi," kata ibu kepada adik.
- 11 Buah betik (ini, itu) sedap rasanya.
- 12 Rumah yang terletak di atas bukit (ini, itu) kepunyaan seorang hartawan.

Isi tempat kosong di bawah dengan kata ganti nama tak tentu yang sesuai.

- 1 Abang tidak berkata _____ apabila dimarahi oleh ayah kerana pulang lewat pada malam tadi.
- 2 Tiada _____ yang tahu akan punca Aiman dilucutkan jawatan.
- 3 Dia tidak mahu memberikan _____ ulasan berhubung dengan kejadian itu.
- 4 Jangan ke _____ tanpa pengetahuan ibu bapa kamu.
- 5 Datanglah ke rumah saya pada _____ masa.
- 6 Pilihlah _____ baju yang kamu suka asalkan harganya tidak terlalu mahal.
- 7 Tiada _____ berada di dalam kelas pada waktu rehat.
- 8 Pertandingan lumba motosikal itu akan berlangsung pada _____ masa sahaja.
- 9 Dia tidak lokek melemparkan senyuman kepada _____ sahaja yang ditemuinya.
- 10 Jika kalian mempunyai _____ masalah, silalah ajukan soalan kepada saya.
- 11 Duduklah di _____ kamu suka asalkan tidak berbuat bising.
- 12 Para pelancong tersebut diberi kebenaran untuk melawat negara ini pada _____ masa.